

14 MAR 2002

Mahathir-Putin/I

MALAYSIA, RUSIA TINGKATKAN HUBUNGAN DALAM PELBAGAI BIDANG

Oleh: Ahmad Zukiman Zain

MOSCOW, 14 Mac (Bernama) -- Presiden Rusia Vladimir Putin telah menerima undangan untuk melawat Malaysia ketika kedua-dua negara berikrar untuk mempertingkatkan hubungan dua hala dalam pelbagai bidang.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyampaikan undangan itu kepada Putin dalam rundingan di Grand Kremlin Palace pada hari kedua lawatan rasmi beliau ke Rusia.

Dr Mahathir menyifatkan rundingan itu sebagai berhasil sambil berkata banyak bidang diliputi termasuk kerjasama dua hala dalam penyelidikan dan pembangunan, perdagangan dan kemungkinan menghantar pelajar dan kakitangan Malaysia ke sini untuk latihan.

"Kami juga membincangkan kemungkinan membeli beberapa peralatan tentera dari Rusia dan untuk ini, kita akan mengkaji kemungkinannya," kata beliau pada persidangan media bersama dengan Putin selepas mereka mengetuai delegasi masing-masing dalam rundingan selepas rundingan empat mata.

Dr Mahathir berada di sini untuk lawatan rasmi tiga hari ke Rusia. Beliau juga akan melawat Jerman dan Poland. Perdana Menteri akan berlepas ke Stuttgart, Jerman pada Sabtu.

Dr Mahathir berkata Malaysia menaruh harapan untuk bekerjasama dengan Rusia dalam bidang pengawalan cuaca.

Beliau tertarik dengan hasil kerja dan penemuan Russian Federal Service for Hydrometeorology and Environmental Monitoring Service (Rosgidromet) yang dilawatinya pagi tadi.

Putin mengulangi keyakinan Dr Mahathir bahawa pertemuan itu akan memberi sumbangan ke arah meningkatkan kerjasama dan interaksi antara kedua-dua negara.

Beliau menarik perhatian bahawa hubungan Rusia-Malaysia berkembang secara positif dan bahawa lawatan Dr Mahathir membolehkan kedua-dua mereka menganalisis keadaan hubungan dua hala sekarang.

Malaysia dan Rusia akan menyambut ulang tahun ke-35 pemupukan hubungan diplomatik bulan depan.

"Kami telah mengenal pasti prospek dan bidang-bidang bagi kerjasama pada masa depan termasuk interaksi ekonomi," kata beliau yang diterjemahkan oleh seorang jurubahasa.

Putin mengiktiraf Malaysia sebagai pengeluar utama peralatan elektronik sambil berkata Malaysia akan menjadi rakan yang berfaedah dengan Rusia bagi melaksanakan kerjasama bidang-bidang berteknologi tinggi.

Beliau juga berkata Malaysia telah melancarkan satelit menggunakan kapal angkasa Rusia dan bahawa mereka juga mengkaji kengkinan untuk meneruskan kerjasama ini.

"Malaysia terletak di Khatulistiwa dan ini tempat yang amat sesuai bagi aktiviti seumpama itu," kata beliau.

Rusia juga berminat untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam bidang seperti tenaga, tenaga hidro dan bio teknologi, kata beliau.

"Kami telah mengenal pasti prospek dan bidang-bidang bagi kerjasama pada masa depan termasuk interaksi ekonomi," kata beliau yang diterjemahkan oleh seorang jurubahasa.

Putin mengiktiraf Malaysia sebagai pengeluar utama peralatan elektronik sambil berkata Malaysia akan menjadi rakan yang berfaedah dengan Rusia bagi melaksanakan kerjasama bidang-bidang berteknologi tinggi.

Beliau juga berkata Malaysia telah melancarkan satelit menggunakan kapal angkasa Rusia dan bahawa mereka juga mengkaji kengkinan untuk

meneruskan kerjasama ini.

"Malaysia terletak di Khatulistiwa dan ini tempat yang amat sesuai bagi aktiviti seumpama itu," kata beliau.

Rusia juga berminat untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam bidang seperti tenaga, tenaga hidro dan bio teknologi, kata beliau.

Putin berkata kedua-dua negara menjalin kerjasama baik dalam bidang pertahanan dan ini dapat dipertingkatkan.

"Pakar-pakar Malaysia mempunyai peluang untuk menyaksikan peralatan tentera Rusia yang berkualiti tinggi..pakar-pakar kami percaya kita boleh menggerakkan bukan sahaja perdagangan dalam bidang ini bahkan juga kerjasama," kata beliau.

Mengenai hal ehwal antarabangsa terutama yang menyentuh keganasan, Putin berkata Rusia bersetuju dengan Malaysia bahawa perhatian harus diberi bagi menghapuskan punca utama masalah itu.

"Peranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu harus diperkukuhkan dalam binyak bidang termasuk untuk memerangi keganasan," kata beliau.

Beliau berkata Rusia menyambut baik resolusi Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu baru-baru ini yang mengiktiraf hak rakyat Palestin untuk menubuhkan negara sendiri.

Dr Mahathir berkata Malaysia menghargai pendirian Rusia dalam menangani krisis di Asia Barat terutama isu Palestin.

Putin berkata Moscow akan menyokong hubungan perdagangan secara terus antara wilayah-wilayah Rusia dengan rakan perdagangan dari Malaysia.

Para pemimpin beberapa wilayah itu juga menghadiri rundingan delegasi dalam usaha menjalin contact.

Delegasi Malaysia termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri sains, Teknologi dan Alam Sekitar Datuk Seri Law Hieng Ding, Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan Gabenor Bank Negara Tan Sri Dr Zeti Akhtar Aziz.

-- BERNAMA
AZZ RV FAZ